

## BERITA

# Waktu kerja fleksibel jururawat sepenuh masa TTSH diperluas

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM  
zulabr@sph.com.sg

Percubaan selama dua bulan untuk membolehkan jururawat mempunyai waktu kerja lebih fleksibel di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) kini akan diperluas kepada lebih banyak wad pesakit, kata hospital itu.

Daripada hanya mengikut tiga waktu kerja giliran yang biasa, jururawat kini mempunyai akses kepada enam syif tambahan. Ia membolehkan jururawat sepenuh masa menggabungkan kedua-dua syif untuk memperoleh keseimbangan kehidupan bekerja.

Dalam kenyataannya pada 9 Mei, TTSH berkata ia merintis daya usaha, *Liquid Nursing*, di satu wad pada Oktober 2023, dan kini telah melancarkannya ke tiga wad lain.

Pada masa hadapan, hospital itu merancang mengembangkan usaha tersebut ke lebih banyak wad

pesakit.

*Liquid Nursing* bertujuan memberi jururawat keseimbangan kehidupan bekerja dengan pilihan syif fleksibel selain memperkukuh cara jururawat di wad menawarkan penjagaan sebagai sepadan.

Ia menyediakan kepelbagaian dalam syif dan peranan seorang jururawat.

Di bawah daya usaha itu, bidang kejururawatan direka semula di bawah dua peranan yang luas – jururawat utama dan jururawat fleksibel – dan tambahan enam syif fleksibel.

Jururawat utama bertugas mengikut waktu kerja giliran yang rutin dengan kewajipan penjagaan penuh, manakala jururawat fleksibel mengendalikan syif fleksibel dengan peranan modular dan tugas penjagaan khusus.

Syif rutin merangkumi tiga waktu giliran kerja – syif pagi dari 7 pagi hingga 3 petang (lapan jam); syif petang dari 1 petang hingga 9 malam (lapan jam); syif malam dari 8 malam hingga 8 pagi (12 jam).

Jadual syif fleksibel adalah dari 8 pagi hingga 4.30 petang (8.5 jam); 10 pagi hingga 7 malam (sembilan jam); 12 tengah hari hingga 7 malam (tujuh jam); 2 petang hingga 8 malam (enam jam); 7 pagi hingga 7 malam (12 jam) dan syif empat jam pada waktu fleksibel.

Jururawat sepenuh masa TTSH kini boleh menggabungkan kedua-dua syif rutin dan fleksibel setiap bulan, kata TTSH.

Pendekatan itu bagi membolehkan jururawat merancang dengan lebih baik tanggungjawab peribadi dan keluarga mereka mengikut jadual kerja, tambahnya.

Jururawat fleksibel bertindak selaku penyokong jururawat utama. Mereka membantu prosedur di sisi katil yang kompleks seperti membalut luka, dan menyediakan sokongan tambahan seperti latihan penjaga, dan menghantar pesakit berulang-alik ke tempat rawatan mereka.

Jururawat utama pula memberi tumpuan kepada peranan teras kli-



Enam syif fleksibel diperkenalkan kepada jururawat sepenuh masa di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) di bawah inisiatif, 'Liquid Nursing', sebagai usaha memberikan mereka keseimbangan kehidupan bekerja. – Foto ZAOBAO

nikal. Ia termasuk menyertai rondaan doktor, penilaian dan mendo-kumentasi, komunikasi dengan keluarga, penyaluran penjagaan dan penyerahan syif.

Peranan 'jururawat prosedur' juga telah diuji. Ia melibatkan sekumpulan jururawat terlatih memberikan sokongan semasa pembedahan jika terdapat permintaan di peringkat hospital bagi bantuan prosedur di sisi katil yang lama, ka-

ta TTSH.

Dengan *Liquid Nursing*, jururawat utama dapat menjimatkan kira-kira 30 hingga 90 minit masa harian mereka untuk menumpukan perhatian kepada tugas utama dan mempunyai masa rehat yang mencukupi semasa syif, tambah pihak hospital.

"Sangat menggalakkan untuk melihat jururawat kami memberi tindak balas positif terhadap inisia-

tif ini, dengan kesungguhan dan keterujaan yang baru.

"Kerjasama dan semangat setiakawan yang kini meningkat dalam kalangan jururawat telah menghasilkan kecekapan lebih tinggi di wad, di samping mengekalkan standard penjagaan tinggi yang sering mereka banggakan," kata Penasihat Projek dan Timbalan Pengarah Kejururawatan di TTSH, Cik Sui Huangbo.

## Scout kaitkan pembatalan penerbangan dengan kurang alat ganti

Syarikat penerbangan tambang murah, Scout, telah mengaitkan gangguan penerbangan terbaharunya dengan kekurangan alat ganti yang timbul daripada isu rantaian bekalan.

Ulasan barunya itu dibuat sehari selepas *The Straits Times* melaporkan pada 8 Mei bahawa 33 penerbangan Scout yang dijadual berlepas atau mendarat di Lapangan Terbang Changi, dibatalkan dalam tempoh lima hari dari 2 Mei hingga 6 Mei.

Pada 7 Mei, dua penerbangan Scout telah dijadualkan semula dan tiada pembatalan.

Pada 8 Mei, satu penerbangan Scout telah dijadualkan semula dan juga tiada pembatalan.

Tiada penerbangan Scout terganggu pada 9 Mei.

Dalam satu kenyataan kepada ST pada 9 Mei, Scout, cabang tambang rendah Singapore Airlines (SIA), berkata:

"Scout boleh mengesahkan bahawa beberapa penerbangan yang dijadualkan pada Mei 2024 dibatalkan atas pelbagai sebab operasi, termasuk ketiadaan pesawat kerana kekurangan alat ganti ekor isu rantaian bekalan."

Syarikat penerbangan itu berkata kekurangan tersebut menjejaskan industri penerbangan secara keseluruhan, tetapi tidak menghuarkan le-

bih lanjut mengenai alat ganti dan jenis pesawat yang terjejas, atas alasan sensitiviti komersial. Ia juga tidak mengulas mengenai sebab operasi lain bagi pembatalan itu.

Syarikat penerbangan itu memohon maaf sekali lagi atas kesulitan yang ditimbulkan dek gangguan tersebut sambil menambah bahawa ia secara proaktif menghubungi semua pelanggan yang terjejas, dan menempatkan semula kebanyakan mereka dalam penerbangan lain, termasuk di SIA dan Scout.

Pelanggan juga boleh mendapatkan bayaran balik penuh untuk bahagian tiket mereka yang tidak digunakan, kata Scout.

Encik Mayur Patel, ketua perundingan data penerbangan Asia OAG, berkata banyak syarikat penerbangan sedang menyemak jadual penerbangan mereka, kerana pembatalan yang disebabkan pemeriksaan dan pembaikan ekor masalah daripada pembuatan pesawat, yang jarang berlaku dengan enjin jet Pratt & Whitney.

Scout berkata pada Mac bahawa tiga daripada pesawat Airbus A320 telah dibatalkan penerbangannya disebabkan masalah daripada pembuatan. Bilangan pembatalan itu meningkat, daripada dua sebelum ini.

Namun kekurangan alat ganti,

kata Encik Patel, boleh melangkaui enjin ke bahagian lain pesawat, seperti unit kuasa tambahan yang menjana elektrik dan kabin pesawat.

Beliau berkata adalah perkara biasa bagi isu rantaian bekalan sebegini menyebabkan gangguan penerbangan di seluruh dunia.

Encik Patel menambah bahawa beberapa penyelesaian telah diusahakan, termasuk memanjakan pajakan pesawat.

Ini telah dilakukan oleh Scout ke atas beberapa pesawat A320 yang lama, untuk mengurangkan kesan pengantungan A320 dan memajak pesawat dan anak kapal daripada operator lain, bagi memastikan penerbangan diteruskan mengikut jadual.

Beberapa kru kabin dan juruterbang Scout dahulu dan sekarang memberitahu ST tentang kemungkinan kekurangan tenaga kerja, dengan kru kabin dalam keadaan siap sedia dipanggil hampir 100 peratus pada masa itu.

Memetik masalah pekerja dan masalah enjin serta pesawat sebagai sebab yang mungkin mengakibatkan pembatalan penerbangan, penganalisis penerbangan menyatakan bahawa kekurangan pekerja juga telah menjadi masalah besar bagi industri penerbangan.

## Angkatan udara S'pura, M'sia jalani latihan mencari dan menyelamat bersama

► SHIQIN RAMADAN  
shiqin@sph.com.sg

Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (RMAF) berjaya menjalankan Latihan *Search-And-Rescue* (SAREX) edisi keenam MALSING dari 7 hingga 15 Mei 2024 di Pangkalan Udara Kuantan, Malaysia.

Edisi itu menyaksikan penyertaan kedua helikopter RSAF H225M dan RMAF EC725, bersama anak kapal udara, anak kapal darat, dan juga anak kapal *Search-And-Rescue* (SAR) mereka.

Leftenant Kolonel (LTC) Lim Seng Wee, Pegawai Pemerintah RSAF, Skuadron 125; dan Lt. Kol. Ahmad Farhan Ahmad Pegawai Pemerintah RMAF, Skuadron 10, merasmikan SAREX MALSING bersama pada 8 Mei di Pangkalan Udara Kuantan.

Bercakap di majlis itu, LTC Lim berkata: "Latihan dua hala tahunan ini menyediakan kedua-dua Tentera Udara dengan wadah penting dan peluang terbaik untuk bekerjasama, saling berlatih bersama dalam operasi mencari dan menyelamat."

"Kami tetap beriltizam untuk menambah baik operasi SAR kami untuk menyelamatkan nyawa melalui kerjasama tetap kami. Ia juga merupakan bukti kemesraan dan hubungan pertahanan yang teguh antara kedua negara."

Berkongsi sentimen yang sama, Lt. Kol. Ahmad Farhan berkata: "Kami berbesar hati dapat mengambil bahagian dalam latihan dua hala ini dengan RSAF untuk operasi gabungan Mencari dan Menyelamat."

"Latihan dua hala bersama RSAF menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi, sifat saling mempercayai dan berpasukan (dengan) kecemerlangan daripada kakitangan kedua-dua Tentera Udara untuk memaksi-



Leftenant Kolonel (LTC) Lim Seng Wee (kanan), Pegawai Pemerintah Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF), Skuadron 125 bersama Lt. Kol. Ahmad Farhan Ahmad (kiri), Pegawai Pemerintah, Tentera Udara Diraja Malaysia (RMAF), Skuadron 10 berada di hadapan helikopter RSAF H225M (belakang) and RMAF EC725 (depan) yang menyertai Latihan *Search-And-Rescue* (SAREX) MALSING 2024. – Foto MINDEF

makan keupayaan bersama kami dalam melaksanakan Operasi SAR dengan selamat dan pantas."

Semasa latihan itu, peserta merancang dan melaksanakan operasi udara SAR bersama sebagai tindak balas kepada simulasi kemalangan udara di pesisiran Pulau Tioman, Malaysia.

Pasukan SAR juga menjalankan pencarian udara untuk mangsa yang terselamat, dan memindahkan mangsa simulasi itu dengan cepat bagi mendapatkan rawatan perubatan segera.

Ketua Tirus (Staf Tentera Udara) Singapura Brigedier Jeneral Ho Kum Luen dan Timbalan Ketua RMAF, Leftenant Jeneral Datuk Seri Haji Muha-

mad Norzlan Aris RMAF, akan merasmikan majlis penutupan pada 14 Mei di Pangkalan Udara Kuantan.

Sejak penubuhannya pada 2018, SAREX MALSING berusaha untuk meningkatkan profesionalisme dan hubungan pertahanan antara kedua tentera udara, serta memupuk hubungan dan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan kakitangan.

RSAF dan RMAF juga sentiasa berinteraksi merentasi pelbagai kegiatan.

Ia termasuk lawatan dua hala dan pertukaran profesional, serta kegiatan pelbagai hala di bawah lingkungan daripada Persetujuan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

### PROJEK PENINGKATAN MASJID DARUSSALAM @CLEMENTI








**1 NETS / TUNAI**  
Sila ke pejabat masjid atau letakkan di dalam tabung khas PPM yang disediakan di Masjid

**2 CHEQUE**  
Atas nama, Lembaga Pentadbir Masjid Darussalam  
Remarks: PPM / Projek Peningkatan.

**3 PAYNOW**  
Ke UEN S89MQ032A atau Imbas kod QR di bawah ini dengan kod PPM / Projek Peningkatan.

**4 TABUNG**  
Dapatkan tabung Masjid di pejabat untuk letak di rumah atau kedai anda sendiri

**5 BARANG EMAS**  
Boleh infaq barang emas anda untuk kami jual.

**6 AMBIL DI RUMAH**  
Dengan sumbangan sekurang-gaya \$500.00, Ust. Har boleh datang ke rumah anda. Hubungi kami 67770028

**7 KUPON WAQAF**  
Dapatkan kupon waqaf \$10 pada setiap hari jumaat atau acara-acara tertentu

**8 KUPON AYAM**  
Dapatkan kupon ini di pejabat masjid atau hubungi 67770028. Penghantaran ke rumah percuma jika membeli 5 kupon atau lebih

"Sesiapa yang membina masjid kerana Allah, Allah membina baginya rumah di syurga kelak (binaan) seumpamanya." (Hadis Riwayat Muslim)

#DARUSSALAMSGREFRESH
Darussalam Mosque SG
@darussalam mosquesg
9069 8414
6777 0028
Line:DSMGG
3002 Commonwealth Ave West S129579

### QURBAN & AQIQAH INDONESIA - CAMBODIA

Projek "Menghidupkan Syiar Islam & Menggembirakan Anak Yatim, Fakir Miskin, Pelajar Pesantren & Penduduk Kampung"  
Disokong oleh Dakwah SG

*"Ya Allah, murahkanlah rezeki... Sembuhkanlah penyakit... Huraikanlah apa jua masalah. Dan tunaikanlah segala hajat... mereka-mereka yg berqurban & menggembirakan fakir miskin"*

Harga Pakej  
Kambing : \$220  
Lembu : \$1250

Setiap Peserta akan diberi Surat Penghargaan

Hubungi  
63001400  
67174000 / 97916000

Al-Qiblah International  
Pimpinan  
Ustaz Azmi Abdul Samad

► **Daftar TERUS ke Pusat Pendaftaran berikut:**  
Kedai Buku Hj Hashim @ Joo Chiat Complex #01-1051

► **DAFTAR ON-LINE:**  
<https://bit.ly/QurbanM2024>

► Kemudian buat bayaran PayNow UEN 53057260E  
► WhatsApp resit bayaran ke: 97916000

Marga Pakej adalah termasuk pembelian 50 naskah Al-Quran untuk dihadiahkan kepada Pusat Tahfiz, Insya Allah.

### Berita Harian NOTIS

MENGENAI PERKARA AKTA SYARIKAT BAR 1967 DAN MENGENAI PERKARA DALAM CELESTE HOLDING PTE. LTD. (DALAM PEMBUBARAN PARA AHLI SECARA SUKARELA) (No. Pendaftaran Syarikat: 200410382W)

**NOTIS MESYUARAT TERAKHIR**

NOTIS INI DIBERITAHU BAHAWA, menurut Seksyen 308 dari Akta Syarikat 1967 Mesyuarat Terakhir para ahli bagi Syarikat yang tersebut diatas akan diadakan di 10 Anson Road #35-08 International Plaza Singapore 079903 pada 10hb Jun 2024 jam 3:00 petang bagi tujuan berikut:

**AGENDA**

- Untuk menerima penyata akaun Pembubar, menunjukkan cara pengumpulan telah dijalankan dan aset Syarikat dilupuskan, dan untuk mendengar sebarang penjelasan yang mungkin diberikan oleh Pembubar.
- Untuk menentukan melalui resolusi cara bagaimana buku, akaun dan dokumen Syarikat dan Pembubar, hendaklah dilupuskan.

**PAUL WAN TONG CHEE**  
PEMBUBAR  
Berakhir: 10 Mei 2024

Note:  
Ahlil Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di Mesyuarat boleh melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi menggantikan; proksi tidak semestinya ahli Syarikat. Instrumen pelantikan proksi yang telah ditandatangani dengan sewajarnya hendaklah disimpan di pejabat berdaftar Syarikat tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan.